

## Kuih-Muih Tradisional Etnik Brunei di Sabah: Suatu Simbol dalam Adat dan Budaya

Surayah Hj Bungsu<sup>1\*</sup> dan Humin Jusilin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah.

### ABSTRAK

*Negeri Sabah merekodkan lebih daripada 35 etnik atau kaum. Kepelbagaiannya kaum atau etnik mewujudkan kerencaman budaya dari segi makanan dan kuih-muih. Etnik Brunei dalam kajian ini terkenal dengan kuih-muih tradisional dalam pelbagai rupa, bentuk dan rasa yang diwarisi secara turun-temurun. Walau bagaimanapun, kepelbagaiannya jenis kuih tradisional Brunei menampilkan persamaan dengan budaya lain di Sabah. Persamaan ini adalah akibat assimilasi budaya dengan etnik lain yang menyukarkan kita untuk menentukan siapa sebenarnya pemilik budaya dan tradisi ini. Persamaan budaya ini melibatkan bahan dan cara pembuatan kuih-muih yang amat berkait rapat dengan upacara adat seperti keramaian, kenduri-kendara, perkahwinan, kelahiran atau kematian. Kajian ini dijalankan untuk menyingkap keunikan dan identiti budaya dalam kuih-muih tradisional sehingga ia menjadi simbol dan identiti adat orang Brunei. Simbol dan identiti budaya diterjemahkan menerusi rupa, bentuk dan fungsi estetika yang diwarisi secara turun-temurun. Keunikan kuih tradisi dalam konteks budaya etnik Brunei adalah penceran pemikiran yang kreatif, menjelaskan jati diri dan identiti budaya mereka. Kajian lapangan ini melibatkan dua buah kampung etnik Brunei di daerah Beaufort, iaitu di Kampung Weston dan Kampung Lubuk. Data-data penyelidikan dianalisis dengan menggunakan pendekatan Feldman (1967) yang mencadangkan empat tahap yang sistematis iaitu tahap deskripsi, analisis formal, interpretasi dan penilaian. Aplikasi pendekatan ini digunakan untuk membincangkan elemen yang bermula daripada teknik pembuatan, bahan, rupa dan bentuk kuih-muih tradisi dalam konteks adat dan budaya etnik Brunei di Daerah Beaufort. Kajian yang bersifat kualitatif ini menggunakan data-data daripada lapangan melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan penglibatan turut serta oleh pengkaji. Informan yang terlibat dipilih berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam pembuatan kuih-muih tradisional serta kearifan mereka tentang adat dan budaya etnik Brunei. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kewujudan kuih-muih tradisional yang diwarisi oleh etnik Brunei memaparkan adat yang menjelaskan simbol, jati diri dan nilai estetika yang perlu dipelihara.*

**Kata Kunci:** Etnik Brunei, Simbol, Identiti, Budaya, Kuih Tradisional.

### ABSTRACT

*Sabah recorded more than 35 ethnic or race. This multiracial state showcased a wide array of food especially in its choices of kuih-muih. The focus of this research, which is the Brunei race, is well known with their variety of traditional kuih-muih. Their kuih-muih that was inherited from their ancestors comes in different shapes, form and taste. However, their variation of kuih-muih does share certain similarities to other delicacies from other cultures all over Sabah. These similarities existed due to assimilation between the ethnic in the said state, thus, hindering us from claiming who is the real owner of this culture and tradition. These similarities which involved the ingredients and methods of cooking the kuih-muih are closely related to traditional ceremony such as common festivities, weddings, celebration of a newborn or for a death procession. This research is executed as to explore the uniqueness and identity of the Brunei ethnic. Apart from that, it focuses on the form, shape and aesthetic value that was inherited from their predecessors. The uniqueness of the traditional kuih-*

\*Koresponden: rinnsuraya\_rsb@yahoo.com

*muhih in the context of the Brunei ethnic mirrors their creativity and identity. This research involves two Brunei ethnic villages which are Kampung Weston and Kampung Lubuk, situated in Beaufort, Sabah. The accumulated research data is analysis through the application of Feldman Approach (1967) which suggested 4 systematic levels; Description Level, Formal Analysis, Interpretation and Evaluation. Each element that was discussed will able to explain the manufacturing technique, ingredient, shape and form of the traditional kuih-muih within the context of the Brunei ethnic in Beaufort. This qualitative research used research data obtained field research method like interviews, observation and direct involvement from the researcher. The informant was chosen based on their expertise and experiences in producing traditional kuih-muih and also their priceless knowledge about the tradition and cultural ceremony of the Brunei ethnic. This research found out that the existence of the traditional kuih-muih inherited by the Brunei ethnic showcase the symbol, identity, tradition and aesthetic value that describes a priceless treasure that is worthy to preserve.*

**Keyword:** Brunei Ethnic, Symbol, Identity, Culture, Traditional Kuih-Muih.

## PENGENALAN

Terdapat begitu banyak pengertian budaya yang ditafsirkan oleh bijak pandai dalam bidang sosiologi. Kepelbagaiannya pengertian ini disebabkan oleh sifat budaya itu sendiri yang bersifat rencah kerana di dalam kebudayaan tersebut terkandung semua perkara dalam kehidupan manusia seperti cara makan, cara bercakap dari sekecil-kecil perkara hingga kepada hal yang lebih kompleks. Sejak bertahun-tahun yang lepas Raymond William (1962) secara ringkas dan tegas mendefinisikan budaya sebagai "suatu cara hidup tertentu" yang dibentuk oleh nilai, tradisi, kepercayaan, objek material dan wilayah (*territory*). Menurut Edward Burnett Tylor's (1871), kebudayaan merupakan keseluruhan yang kompleks, yang di dalamnya terkandung pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, hukum, adat istiadat dan kemampuan-kemampuan lain yang dimiliki seseorang sebagai anggota masyarakat.

Kebudayaan merupakan elemen yang membezakan setiap etnik, masyarakat atau bangsa kerana kewujudan ciri-ciri tertentu. Ciri yang tersendiri pula menonjolkan suatu unsur yang signifikan sehingga memperlihatkan perbezaan antara satu etnik, puak, masyarakat, bangsa dan seumpamanya. Sebagai contoh, unsur-unsur yang terzahir dalam amalan kehidupan seharian akibat latar ilmu hidup boleh mempengaruhi budaya sesuatu etnik. Latar ilmu hidup ini pula dipengaruhi oleh persekitaran di mana seseorang atau masyarakat itu berada.

Menurut pendapat dari Soemardi dan Soemardjan, pengertian budaya adalah seluruh cipta, rasa, dan hasil karya dari lingkungan masyarakat. Dari karya masyarakat tersebut akan menghasilkan kebudayaan dan teknologi kebendaan atau kebudayaan jasmania yang akan digunakan oleh masyarakat untuk memanfaatkan alam sekitarnya. Hal itu bertujuan untuk mendapatkan hasil dan kekuatan yang boleh diabadikan bagi keperluan manusia. Levi Strauss melihat kebudayaan sebagai perwujudan komponen struktur sosial yang berasal dari alam pikiran manusia dan dilakukan secara berulang hingga membentuk kebiasaan. Lucman mengatakan bahawa budaya adalah karakteristik unik yang melekat pada kehidupan sehari-hari suatu suku bangsa.

Dalam kajian ini, penyelidik akan membincangkan identiti budaya yang tersurat dan tersirat di sebalik pembuatan kuih-muih tradisional etnik Brunei di Sabah. Perbincangan ini menyingkap bagaimana kuih tradisional dapat menggambarkan adat dan citra budaya yang dimiliki oleh etnik ini. Terdapat beberapa variasi daripada beberapa jenis kuih tradisional dalam budaya Brunei menunjukkan nama, bahan, teknik penghasilan dan cara pembungkusan yang tersendiri. Penghasilan kuih-muih ini juga turut signifikan dalam setiap majlis, upacara atau adat yang dilakukan oleh masyarakat Brunei. Beberapa jenis kuih sebagai objek budaya etnik Brunei dikenali dengan panggilan tempatan seperti kuih *kalupis, wajit, katupat lapas dan katupat nasi*.

Kuih ini begitu tipikal dalam kehidupan kerana menggambarkan cara pembuatan, cara makan dan situasi dihidangkan, sama ada majlis perkahwinan, kenduri-kendara atau sebagai sajian makanan harian dalam kalangan etnik Brunei di Sabah.

## **TUJUAN KAJIAN**

Negeri Sabah terkenal dengan keunikan dan kaya dengan kepelbagaiannya makanan dan kuih-muih. Keunikan ini tergambar dengan kepelbagaiannya etnik yang mengamalkan adat budaya, sejarah, lagenda, perayaan dan kepercayaan tersendiri. Justeru itu, amalan makanan dalam kehidupan masing-masing memberikan identiti budaya yang menarik dan unik. Sebagai contoh, kewujudan corak hidup pelbagai etnik seperti Bajau, Rungus, Lundayeh, Bisaya, Brunei, Bugis, Murut, Dusun, Kadazandusun dan Kedayan menyerlahkan variasi makanan dan kuih-muih yang berbeza-beza.

Etnik Brunei dalam kajian ini terkenal dengan makanannya yang tersendiri. Menerusi sejarah lampau, orang Brunei dipercayai antara etnik awal yang menduduki wilayah Kepulauan Borneo Utara dan membentuk Negara Brunei. Mereka mula bertapak di Borneo Utara semasa di bawah jajahan Sultan Brunei ke-5, iaitu Sultan Bolkiah (Pigafetta A:1521). Sultan Bolkiah dikatakan bertindak memperluaskan pengaruhnya hingga ke beberapa wilayah di Negeri Sabah dan Sarawak setelah menaiki takhta Kerajaan Brunei pada awal kurun ke-16. Penempatan terawal masyarakat Brunei di Sabah tertumpu di kawasan Teluk Kimanis sehinggalah pesisir Wilayah Membakut, Bongawan, Benoni, Papar, Pengalat, Kawang serta kawasan Meruntum dan Putatan (Saat Awang Damit dan Jamilah Jaafar, 2015).

Etnik Brunei merupakan antara kaum minoriti di Sabah. Hal ini kerana etnik ini hanya tertumpu di beberapa bahagian kecil di Sabah dan jumlahnya juga tidaklah ramai. Walau bagaimanapun, dalam kalangan kaum minoriti di Sabah, etnik Brunei merupakan kelompok teramai. Mengikut bancian pada tahun 1991, terdapat kira-kira 123,810 orang Brunei di Sabah. Jumlah ini merupakan 6.64% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Sabah. Di samping itu, Sabah mempunyai etnik Austronesia lain, yang bahasanya tergolong dalam rumpun bahasa rantau yang lebih luas. Etnik Iranun di Sabah, yang mendiami kawasan pesisir pantai terutamanya berhampiran Kota Belud (Tempasuk) dan Lahad Datu, bertutur dalam bahasa dari Rumpun Bahasa Danao yang berlainan termasuklah tiga bahasa lain yang ditemui di Mindanao, selatan Filipina. Sebahagian besar kawasan pesisir pantai barat Sabah dari Selatan hingga ke utara sehingga Tempasuk, merupakan sebahagian daripada naungan Kesultanan Brunei pada zaman dahulu. Pada hari ini, etnik Brunei dan Kadayan, yang merupakan anggota Rumpun Bahasa Malayik, ditemui di kawasan pesisir pantai barat daya. (Jacqueline Pugh-Kitingan)


Kewujudan orang Brunei di Sabah sering dikaitkan dengan sejarah Kesultanan Melayu Brunei. Hal ini kerana sejarah Sabah adalah sebahagian daripada tradisi sejarah Kesultanan Brunei sebelum bermulanya penjajahan British pada 1881. Sebelum Sabah merdeka, orang-orang Brunei di Sabah masih lagi berulang-alik ke Brunei dengan pelbagai sebab umum seperti tujuan ekonomi, sosial dan politik (Asmiaty Amat, Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2012: 266).

Orang Brunei memiliki menu dan hidangan yang tersendiri, walaupun kebanyakannya makanan mereka hampir-hampir sama dengan makanan orang Kedayan, Bisaya atau Bajau. Makanan orang Brunei biasanya disajikan ketika perayaan atau dimakan pada hari-hari biasa. Contohnya makanan yang biasa disajikan semasa perayaan seperti majlis perkahwinan atau kenduri ialah *kalupis* dan *wajit*. Makanan sehari-hari orang Brunei yang biasa disediakan dengan cepat dan bila-bila masa ialah *ambuyat* dan *masak lauk ampak*. (Murut dan Pelbagai Etnik Kecil di Sabah:291) Selain *wajit*, *kalupis* juga merupakan kuih tradisi etnik Brunei di Sabah. *Kalupis* merupakan makanan tradisi masyarakat Brunei yang biasanya dimasak secara bergotong-royong semasa majlis keramaian tertentu seperti majlis perkahwinan. (Murut dan Pelbagai Etnik Kecil di Sabah:292).

## METODOLOGI DAN TEORITIKAL

Salah satu strategi untuk meneroka kajian tentang identiti budaya adalah kajian lapangan. Strategi ini berusaha menyelami secara mendalam keadaan sebenar tentang kumpulan, budaya atau kejadian tertentu. Kajian lapangan membolehkan penyelidik menjawab permasalahan kajian dengan bebas dan terbuka dan menentukan aspek yang dianggap penting dalam penyelidikan (Sulaiman Masri, 2003:20). Dalam kajian ini, penyelidik melibatkan diri secara langsung seperti hubungan rapat dan empati dengan subjek kajian. Penglibatan atau penyertaan peserta dalam kajian ini memudahkan strategi pemerhatian dan participatori. Kaedah ini dilakukan demi memahami idea, pandangan, sikap, perasaan, aktiviti budaya atau aktiviti yang spesifik tentang objek kajian dalam tempoh masa yang ditetapkan (Mok Soon Sang, 2010).

Kaedah analisis data dalam kajian ini disandarkan melalui pendekatan yang dikemukakan oleh Edmund Burke Feldman (1967). Feldman menggariskan empat perkara penting dalam memahami imej atau objek seni iaitu Deskripsi, Analisis Formal, Interpretasi dan Penilaian seperti (Rajah 1). Data-data berkaitan dengan subjek kajian, iaitu kuih-muih tradisional etnik Brunei dianalisis secara berturutan dengan menggunakan pendekatan seperti rubrik dalam (Jadual 1).



Rajah 1. Teori Edmund Burke Feldman (1967).

Analisis data terhadap bahan kajian diringkaskan dalam bentuk rubrik seperti (Jadual 1). Tahap ini meliputi peringkat deskripsi, peringkat analisis formal, interpretasi dan peringkat penilaian seperti berikut:



**Rajah 2.** Rubrik Analisis Edmund Burke Feldman (1967).

Susunan analisis data pada (Jadual 1), merujuk kepada rubrik yang menjelaskan peringkat analisis mengikut tahap. Tahap deskripsi membincangkan perihal imej luaran, bahan, teknik pembuatan dan pembungkusan. Tahap analisis formal pula membincangkan elemen seni, rekaan bentuk kuih dan pembungkusan. Manakala tahap interpretasi membincangkan simbol seni, fungsi dan estetika. Pada tahap penilaian dalam kajian ini pula mengaitkan subjek kajian dengan ikon atau maksud yang tersirat sebagai nilai budaya dalam adat atau upacara.

## **BAHAN KAJIAN**

Bahan kajian dalam penulisan ini adalah terdiri daripada beberapa jenis kuih tradisional yang terpilih dalam masyarakat Brunei seperti dalam Rajah 3 (i-iv) seperti berikut:

	
<i>i. Kalupis</i>	<i>ii. Wajit</i>
	
<i>iii. Katupat Lapas</i>	<i>iv. Katupat Nasi</i>

**Rajah 3.** Kuih tradisional etnik Brunei di kampung Weston, Beaufort.

### *i. Kalupis*

Kuih *kalupis* merupakan kuih tradisional etnik Brunei yang popular dalam kalangan masyarakat di Sabah. Lazimnya kuih *kalupis* muncul dalam majlis peminangan dan perkahwinan serta hari kebesaran umat Islam, iaitu Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha. Kehadiran kuih *kalupis* dalam setiap hidangan majlis perkahwinan dianggap dapat menyerlahkan majlis yang sedang berlangsung. *Kalupis* merupakan kuih tradisional yang enak kerana rasa lemak masin dan dimakan bersama kuah kacang atau daging *pindang*<sup>†</sup>. *Kalupis* etnik Brunei dibungkus dalam dua gaya, iaitu menggunakan dua bahan pembungkusan yang berbeza. Pertama, *kalupis* dibungkus menggunakan daun nipah yang dikenali sebagai *daun*<sup>#</sup> bagi etnik Brunei di Weston. Pembungkusan kuih ini memerlukan cantuman dua helaian daun nipah yang sama saiz untuk menentukan ukuran kuih yang dikehendaki. *Samat*<sup>§</sup> pula digunakan pada setiap hujung dan tengah daun bagi memastikan pembungkusan *kalupis* kukuh, stabil dan kemas. Kedua, *kalupis* yang dibungkus menggunakan daun *ngirik*<sup>\*\*</sup> mementingkan teknik lipatan pada bahagian hujung dan pangkal kuih lalu dikemaskan menggunakan *samat* pada bahagian tengah daun.

Penggunaan daun *ngirik* dan daun nipah menghasilkan kuih yang berbeza dari segi rasa dan warnanya. *Kalupis* daun nipah menghasilkan warna kuning muda manakala *kalupis* daun *ngirik* pula berwarna hijau atau hijau tua. Dari segi rasa, *kalupis* daripada daun nipah lebih enak kerana aroma dan wangian daun berbanding *kalupis* daun *ngirik*. Istilah *kalupis* yang dibungkus dengan daun nipah disebut rasa yang lebih sedap atau *nyaman*.<sup>††</sup> Menurut informan, kuih *kalupis* yang

<sup>†</sup> *Pindang* merujuk maksud daging rendang

<sup>#</sup> *Daun* merujuk maksud Pucuk Nipah

<sup>§</sup> *Samat* merujuk kepada bahan yang digunakan untuk pembungkusan kuih tradisi. *Samat* diperbuat daripada batang lidi yang halus dan runcing atau tajam di bahagian hujungnya. Berfungsi seperti jarum peniti.

<sup>\*\*</sup> *Ngirik* merujuk maksud daun nyirik sejenis daun yang digunakan sebagai bahan pembungkusan kuih tradisional.

<sup>††</sup> Hajah Sribunian Bt Awg. Besar. 70. Kg. Darat, Weston. Pembuat kuih tradisional

menggunakan daun nipah boleh dibekukan dalam peti sejuk dan bertahan sehingga sebulan tanpa perubahan rasa dan warnanya<sup>##</sup>.

*Kalupis* bukan hanya sekadar kuih tradisional, tetapi objek budaya yang wajib dihidangkan pada majlis perkahwinan. Secara tradisinya, penggunaan *kalupis* sebagai hidangan kepada tetamu dan majlis yang diadakan. Makna di sebalik hidangan tersebut menjelaskan keakraban hubungan dalam etnik yang sinonim dengan istilah kegembiraan, kemeriahinan, kesyukuran, kemenangan dan kasih sayang dalam kalangan etniknya. *Kalupis* yang dihidangkan dalam majlis perkahwinan mampu menyerikan lagi suasana perkahwinan.

*Kalupis* dalam adat perkahwinan adalah salah satu menu hantaran sama ada dalam majlis peminangan atau upacara perkahwinan yang disebut adat *mangantat barian*<sup>##</sup>. Bentuk *kalupis* yang dijadikan hantaran lazimnya dibungkus berbeza dengan *kalupis* yang dihidangkan untuk tetamu dalam majlis perkahwinan. *Kalupis* perkahwinan dihias istimewa sehingga menampilkan keunikan dan kesempurnaan bersesuaian dengan citra budaya hantaran (Gambar 1). *Kalupis* dalam adat perkahwinan dilihat sebagai objek yang menyempurnakan adat turun-temurun sebagai lambang cinta kepada pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga.

Dari segi nilai estetika *kalupis* adalah barang hantaran dari pihak pengantin perempuan kepada pihak lelaki (*bini-bini*)<sup>\*\*\*</sup>. *Kalupis* dalam majlis *mangantat barian* sebagai pelengkap barang hantaran seperti kelengkapan persalinan, kelengkapan solat, makanan dan sebagainya yang lazimnya dibuat oleh golongan wanita menjadi simbol kearifan mereka dalam hal berumah tangga. Contohnya kerja memasak, menjahit, menghias dan sebagainya bagi etnik Brunei di Kampung Weston dan Kampung Lubuk. Secara tidak langsung, *kalupis* dalam adat *mangantat barian* ini menterjemahkan kewibawaan seorang wanita dalam melengkapi hidup berumah tangga kelak.



**Gambar 1.** *Kalupis Mangantat Barian.*

Berdasarkan (Gambar 1), penampilan *kalupis* melalui bentuknya yang lebih panjang dari *kalupis* biasa, hampir tiga kali ganda dari saiz biasa. Benang berwarna-warni digunakan untuk menjahit bahagian atas *kalupis* bagi menggantikan *samat* sebagai pengikat. Teknik jahitan silang digunakan di sepanjang permukaan *kalupis* dengan gabungan beberapa jenis benang seperti merah, biru, kuning, jingga, hitam, biru dan putih. Penggunaan benang yang berwarna-warni menerusi teknik jahitan silang pangkah menampilkan nilai estetika dalam adat *mangantat barian* dalam majlis pra perkahwinan. Ketelitian jahitan pada *kalupis* diterjemahkan sebagai simbol kemahiran dan kesabaran bakal isteri dalam ilmu rumah tangga<sup>††</sup>. Teknik jahitan yang

<sup>##</sup> Pn. Ainih Bt Awg. Besar 68. Kg. Laut Weston. Pembuat kuih tradisional Weston dan pengamal adat.

<sup>##</sup> *Mangantat barian* merujuk maksud menghantar berian dalam majlis pra perkahwinan.

<sup>\*\*\*</sup> *Bini-bini* merujuk maksud perempuan atau wanita.

<sup>††</sup> Hajjah Jainah Bt Laut. 72. Kg. Log Pond, Weston. Pengamal adat dan budaya etnik Brunei.

dipaparkan dalam bentuk hiasan pembungkusan *kalupis mangantat barian* juga menjelaskan kemahiran dalam ilmu menjahit pakaian bakal suaminya kelak<sup>##</sup>.

Dalam sambutan Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha bagi Etnik Brunei di Kampung Weston dan Kampung Lubuk Beaufort. *kalupis* dan *wajit* merupakan kuih tradisional yang mesti ada dalam perayaan tersebut. Penyediaan *kalupis* dibuat sehari sebelum hari raya sebagai hidangan pagi. *Kalupis* memberikan nilai tambah kerana *wajit* dimakan secara bersama oleh seluruh isi keluarga pada pagi hari raya yang mulia dan penuh berkat. Unsur kegembiraan dan keceriaan selepas kemenangan sebulan berpuasa jelas terpancar dalam amalan adat dan budaya Etnik Brunei.

Dalam upacara sambutan kelahiran bayi kuih *kalupis* berperanan sebagai tanda syukur terhadap rezeki dan kurniaan Tuhan. Khususnya dalam upacara *papat jambul*<sup>sss</sup>, *kalupis* dan *wajit* disifatkan sebagai simbol kesyukuran terhadap semua nikmat yang diperolehi.

Selain itu, *kalupis* merupakan kuih tradisional yang istimewa kerana ianya diwarisi secara turun-temurun dan dihasilkan secara *baurung-urung*<sup>\*\*\*\*</sup>. proses penyediaan atau membuat *kalupis* dilakukan secara gotong-royong. Terdapat dua bahagian kerja iaitu kerja berat yang digalas oleh golongan lelaki manakala kerja yang lebih ringan pula dilakukan oleh kaum wanita. Pembahagian proses kerja ini memperlihatkan daya intelektual kerana memahami fitrah kejadian manusia. Lumrahnya, kaum lelaki mempunyai kudrat yang lebih kuat berbanding wanita. Lazimnya proses membasuh beras pulut, *manggarut piasau*<sup>++++</sup>, memerah santan dan *mandadih*<sup>###</sup> sehingga memasak atau mengukus merupakan bahagian tugas kaum lelaki. Proses *mandadih* beras pulut memerlukan tenaga yang kuat dan banyak kerana beras pulut perlu diuar<sup>\$\$\$\$</sup> sepanjang masa sehinggalah ia masak. Proses *mangguar* atau *mengacau beras pulut* dilakukan secara bergilir-gilir. Bagi kaum wanita pula, tugas seperti menyediakan kulit, *mamanggal daun*<sup>\*\*\*\*\*</sup>, membungkus *kalupis* dan menghidangkan dilakukan secara *baurung-urung* dalam suasana yang penuh meriah dan gelak-tawa. Sepanjang proses membuat *kalupis* menyediakan ruang dan peluang untuk menjalin silaturahim, persefahaman, tolong-menolong dan bertolak ansur dalam kalangan etniknya.

## ii. Kuih *Wajit*

Kuih *wajit* hampir sama dengan kuih *kalupis* dari segi bahan, proses, bentuk dan pembungkusannya. Biasanya pembuatan *wajit* memaparkan berwarna coklat kemerahan. Sehingga kini *wajit* sangat digemari oleh pelbagai golongan dalam etnik Brunei. Terdapat dua identiti dari segi pembungkusannya, iaitu pertama dibungkus menggunakan pucuk atau daun nipah dan kedua *wajit* yang dibungkus menggunakan daun *ngirik*. Semenjak dahulu lagi, bungkus *wajit* tidak menggunakan *samat* pada kedua-dua hujung dan pangkalnya agar pembungkusnya sedikit terbuka untuk memperlihatkan isi *wajit*. Menurut informan, *wajit* dibungkus sedemikian rupa untuk mengelakkan *wajit* menjadi cepat basi dan agar tidak perlu menjalani proses *mangukus* selepas proses pembungkusan<sup>+++++</sup>.

Perumpamaan menyatakan “di mana ada semut di situ ada gula” boleh menggambarkan keakraban dua jenis kuih iaitu *wajit* dan *kalupis*. Dalam setiap majlis perkahwinan *wajit* dan *kalupis* wajib diadakan. Tanpa *wajit* dan *kalupis* majlis kurang meriah dan berseri. Hal ini kerana

## Hajah Jainah Bt. Laut. 72. Kg Log Pond, Weston. Pengamal adat dan budaya etnik Brunei.

sss *Papat Jambul* merujuk kepada maksud majlis akiyah.

\*\*\*\* *Baurung-urung* merujuk maksud bergotong-royong.

++++ *Manggarut piasau* merujuk maksud memarut kelapa.

##### *Mandadih* merujuk maksud proses atau teknik memasak *kalupis* dan *wajit*.

\$\$\$\$ *Diuar* merujuk maksud dikacau. Semasa proses *mandadih* beras pulut perlulah dikacau rata.

\*\*\*\*\* *Mamanggal daun* merujuk maksud memotong bilah-bilah daun nipah.

+++++ Puan Ainih Bt Awg. Besar. 68. Kg Laut Weston. Pembuat kuih tradisional Weston dan pengamal adat.

kerja penghasilan *wajit* dari proses awal hingga ke proses akhir memberi peluang kepada komunitinya untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam situasi yang meriah dengan adanya aktiviti gotong-royong dalam majlis tersebut.

### **iii. Katupat Lapas**

Kuih *katupat lapas* amat berbeza dari kuih-muih tradisi yang lain kerana *katupat lapas* mempunyai fungsi tertentu dalam adat dan upacara yang diamalkan oleh etnik Brunei di Sabah. Fungsi pertama, *katupat lapas* begitu signifikan dengan musim haji kerana kuih ini biasanya hanya disediakan pada musim haji. Kedua, *katupat lapas* juga merupakan kuih yang wajib ada dalam upacara sedekah pada setiap malam Jumaat di masjid.

Terdapat dua jenis *katupat lapas*, iaitu *ketupat lapas laki* dan *katupat lapas bini*. *Katupat lapas laki* mempunyai bentuk yang memanjang, manakala *katupat lapas bini* berbentuk lebih bulat. *Katupat lapas laki* adalah mewakili kaum lelaki manakala *katupat lapas bini* pula mewakili kaum wanita. *Kulit Katupat lapas* diperbuat daripada daun nipah yang begitu banyak dijumpai di perairan Kampung Weston dan Kampung Lubuk. Daun nipah yang telah diproses akan dianyam dengan teknik yang tertentu sehingga kulit *katupat lapas laki* dan kuih *katupat lapas bini* dapat dibezakan. Walau bagaimanapun, dari segi metaforanya *katupat* ini amat popular sebagai gambaran terhadap pengharapan ke atas keselamatan dan kesejahteraan mereka yang pergi menunaikan haji.

*Katupat lapas* mempunyai fungsi atau peranan yang cukup besar dalam menyatakan metafora dan hasrat keselamatan, kelancaran urusan dan kesejahteraan seseorang yang *naik haji*. Sebagai contoh, *katupat lapas* dikaitkan dengan terlepasnya seseorang dari sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Perkataan *lapas*\*\*\*\* pada *katupat lapas* merupakan metafora penyerahan semua perkara sama ada baik atau buruk kepada Allah.

### **iv. Katupat Nasi**

Kuih *Katupat Nasi* merupakan kuih lazimnya hanya dapat dilihat pada hari kebesaran Islam iaitu Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Haji. Pembungkusannya diperbuat daripada helaian daun atau pucuk nipah melalui teknik anyaman. *Katupat nasi* etnik Brunei di Weston dan Lubuk biasanya dimakan bersama kuah kacang, *pindang* atau rendang daging dan rendang ayam. *Katupat nasi* etnik Brunei ditandai dengan pembungkusannya yang diperbuat daripada *pucuk atau* daun nipah yang sememangnya begitu sinonim dengan persekitaran penempatan etnik Brunei di Kampung Weston dan Kampung Lubuk. Kaedah pembungkusan ketupat adalah dengan menggunakan dua helaian daun pucuk yang bersaiz panjang untuk sebiji *katupat nasi*. Teknik silang secara ke atas atau ke bawah menghasilkan *pembungkusan* yang kukuh agar menampung berat isi padu beras semasa proses merebus. Warna *katupat nasi* menjadi merah pudar akibat bahan pembungkusan yang digunakan. Bagaimanapun ketika dipotong, isi nasi kelihatan lebih putih. Pewarna semula jadi pada setiap helaian *pucuk* nipah mempengaruhi warna *katupat nasi* etnik Brunei di Kampung Weston dan Kampung Lubuk. *Katupat nasi* merupakan ikon yang dapat dikaitkan dengan upacara dan majlis keagamaan dalam etnik Brunei di Sabah. Sebagai contoh, *katupat nasi* menjadi juadah utama semasa perayaan Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Aidil Adha. Justeru itu, *katupat nasi* menjadi lambang kemeriah dan keceriaan suasana Hari Raya. Tanpa *katupat nasi*, Hari Raya tidak ada serinya.

---

\*\*\*\* *Lapas* merujuk maksud lepas.

## KESIMPULAN

Adat dan budaya yang diamalkan oleh etnik Brunei di Sabah, khasnya di Kampung Weston dan Kampung Lubuk merupakan warisan turun temurun sejak dahulu lagi. *Kalupis* dan *wajit* yang dihasilkan secara bergotong-royong mampu melahirkan rasa kasih sayang, perpaduan, kebersamaan dan silaturahim di antara ahli keluarga dekat dan jauh serta seluruh komunitinya. Bahan pembungkusan yang digunakan pada kuih *kalupis*, *wajit*, *katupat lapas* dan *katupat nasi* menjelaskan budaya etnik Brunei di Kampung Weston dan Kampung Lubuk. Sememangnya kawasan ini kaya dengan alam tumbuhan dalam pembuatan kuih tradisi. Perkampungan mereka yang terletak di kawasan Teluk Padas Beaufort juga kaya dengan hutan paya bakau dan pucuk nipah yang sangat bermanfaat terhadap kehidupan mereka. Kuih-muih tradisional etnik Brunei yang dibuat mengikut musim atau perayaan tertentu menunjukkan identiti etnik Brunei di Daerah Beaufort.

Selain itu, konsep *baurung-urung* dan pembahagian tugas dalam proses penghasilan *kalupis* dan *wajit* dilihat sebagai simbol kearifan, jati diri, pemikiran yang kreatif oleh generasi terdahulu dalam menghadapi kehidupan dan menyelesaikan masalah. Secara keseluruhannya, kewujudan kuih tradisional dalam setiap majlis, upacara dan kenduri-kendera memperlihatkan etnik Brunei di Weston dan Lubuk amat memandang tinggi terhadap adat dan budaya sebagai tingkat tertinggi dalam kehidupan.

## RUJUKAN

- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Malaysia*. Kuala Lumpur. McGraw-Hill.
- Ismail Haji Ibrahim, Jane Wong Kon Ling. 2002. *Warisan Seni Etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Mat Zin Mat Kib. 2002. *Kumpulan Etnik Di Sabah: Sejarah dan Perkembangannya*. Kota Kinabalu. UMS.
- Matthew B. Miles, A. Michael Huberman. (1992). *Analisis Data Kualitatif*. Indonesia. UI-Press)
- Muhammad Afandi Yahya. (1995). *Simbolisme Dalam Seni Bina Rumah Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan, Malaysia.
- Mohd. Johari AB. Hamid. (Eds.) (2006). *Metodologi Pendidikan Seni Visual*. UPSI. Tanjung Malim. Proceeding International Seminar. Warisan Nusantara 2012 Indonesia. Universitas Negeri Semarang dan Universiti Malaysia Sabah.
- Mok Soon Sang. (2010). *Literatur dan kaedah Penyelidikan*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Saat Awang Damit. 2015. *Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah*. Kuala Lumpur. Jabatan Muzium Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. 2013. *Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah*. Penerbitan Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu. <https://search.yahoo.com/search?ei=utf-8&fr=tightropetb&type=11745&p=maksud+budayahttps://bebasketik.com/pengertian-budaya/>